

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 41-53

Kaedah Pentafsiran “*Idhā Thabatat Al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’nāhā*” Dalam Tafsir Al-Mishbāh Karya M. Quraish Shihab

The Interpretation Method "Idhā Thabatat Al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’nāhā" In Tafsir Al-Mishbah By M. Quraish Shihab

Abur Hamdi Usman¹, Fairuz A. Adi^{2*}, Muhammad Ammar Farhan Ramlan³

¹ Jabatan. Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia

² Jabatan Al-Quran wa Ulumihi, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Malaysia

³ Jabatan Kenegeraan, kepimpinan dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian dan Pengurusan pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Malaysia

*Corresponding Author: Muhammad Fairuz bin A Adi, Jab. Al-Quran wa Ulumihi, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Malaysia. 013208129. ORCID ID: 0000-0003-1371-4291

Artikel dihantar: 9 Julai 2024

Artikel diterima: 20 Oktober 2024

Artikel diterbit: 26 Disember 2024

ABSTRACT

Preserving the Quran properly, including maintaining its recitation according to the authentic methods, is a practice that should be mastered by Muslims. The knowledge of Qiraat is a divinely revealed science for reading the Quran in various forms of recitation. This science, a branch of Quranic knowledge, has been receiving increasing attention in recent decades. Ironically, most of the Muslim community only associates this discipline with the art of beautiful Quranic recitation. In reality, the discussion of Qiraat has a very close connection with the interpretation of the Quran. Consequently, one of the renowned mufassir from the Nusantara, M. Quraish Shihab, often emphasizes the need to understand the Quran contextually, possess a strong linguistic comprehension, and adhere firmly to the interpretive methods established by scholars. One of the interpretive methods related to Qiraat in Tafsir Al-Mishbah is "Idhā Thabatat al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’nāhā." Mastery of this method greatly aids in producing accurate interpretations of the Quran. Therefore, this article critically analyzes his interpretation based on the said Qiraat method. Using a qualitative approach, the article finds that Shihab accepts the diversity of authentic Qiraat in interpreting verses. However, his arguments and references to the various Qiraat are not comprehensive, indicating the need for improvements. In conclusion, it is hoped that this brief analysis meets the current research demands and is believed to help fill the existing research gap, fostering a society well-versed in Qiraat knowledge.

Keywords

Interpretation Method; M. Quraish Shihab; Qiraat; Tafsir al-Quran; Tafsir Al-Mishbāh

How to Cite: A. Adi, M. F., Usman, A. H., & Ramlan, M. A. F. (2024). Kaedah Pentafsiran “Idhā Thabatat Al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’Nāhā” Dalam Tafsir Al-Mishbāh Karya M. Quraish Shihab (L. 1944): The Interpretation Method “Idhā Thabatat Al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’Nāhā” In Tafsir Al-Mishbah By M. Quraish Shihab (B. 1944). *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 41–53.

DOI: <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/82>

ABSTRAK

Memelihara al-Quran dengan baik termasuk menjaga bacaannya mengikut cara bacaan sebenar menjadi sunah yang sepatutnya dikuasai umat Islam. Ilmu Qiraat merupakan suatu ilmu yang diturunkan oleh Allah SWT untuk membaca al-Quran dengan pelbagai bentuk bacaan. Ilmu ini merupakan salah satu ilmu al-Quran yang semakin mendapat perhatian dasawarsa ini. Ironinya, kebanyakan masyarakat Islam hanya mengaitkan disiplin ilmu ini dengan seni keindahan alunan suara bacaan al-Quran semata-mata. Walhal, perbincangan tentang ilmu qiraat mempunyai kaitan yang amat erat dengan pentafsiran al-Quran. Sehubungan dengan itu, salah seorang mufasir Nusantara kenamaan, M. Quraish Shihab banyak menekankan perlunya memahami al-Quran secara kontekstual, pemahaman bahasa yang kuat dan berpegang teguh pada kaedah-kaedah pentafsiran yang telah disusun oleh ulama. Salah satu daripada kaedah pentafsiran berkaitan ilmu qiraat dalam Tafsir Al-Mishbāh adalah *Idhā Thabatat al-Qirā’ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma’nāhā*. Penguasaan kaedah ini amat membantu dalam menghasilkan pentafsiran al-Quran yang jitu. Justeru, artikel ini menganalisis secara kritis pentafsiran beliau berdasarkan kaedah qiraat tersebut. Dengan menggunakan metode kualitatif artikel ini mendapati Shihab menerima kepelbagaian qiraat sahih dalam mentafsirkan ayat. Namun begitu, hujah dan nukilan beliau pada kepelbagaian qiraat tidak secara holistik, sehingga perlu dilakukan penambahbaikan. Sebagai konklusi, diharap analisis ringkas ini menepati kehendak kajian semasa dan dipercayai mampu mengisi jurang kajian sedia ada bagi membantu mewujudkan masyarakat yang celik ilmu qiraat.

Kata kunci: Kaedah Pentafsiran; M. Quraish Shihab; Qiraat; Tafsir al-Quran; Tafsir Al-Mishbāh

1.0 PENDAHULUAN

Al-Qirā’ah atau qiraat ialah salah satu aliran dalam mengucapkan al-Quran yang diamalkan oleh salah seorang imam *qurrā’* yang berbeza antara satu dengan lain yang sanad-sanadnya bersambungan sehingga kepada Rasulullah SAW (al-Sabūnī, 1970). Persoalan qiraat telah menjadi salah satu bahasan penting ulama dalam literatur *‘Ulūm al-Qur’ān*. Malah ia disokong oleh wujudnya kepelbagaian qiraat sahih yang bersumber daripada Rasulullah SAW. Justeru itu, ulama telah menetapkan bahawa jika sabit qiraat itu daripada Baginda SAW, maka ia diiktiraf sebagai sahih dan dengan sendirinya dapat dijadikan sebagai hujah. Ibn al-Jazarī (t.th.) menyatakan bahawa semua qiraat yang bersesuaian dengan bahasa Arab walaupun dari satu segi, bersesuaian dengan Mashaf *‘Uthmānī* walaupun dengan satu bentuk pentafsiran dan sahih sanadnya, maka itu adalah qiraat yang benar dan tidak boleh diingkari. Bahkan itu adalah termasuk bahagian daripada huruf-huruf yang tujuh dengannya al-Quran diturunkan. Manusia wajib menerimanya, baik qiraat itu daripada imam-imam tujuh atau yang lebih hebat daripada mereka. Inilah pendapat yang benar menurut para ulama pentahkik, salaf atau khalaf yang tidak ada seorang pun antara mereka yang menentanginya.

Pandangan Ibn al-Jazarī ini dinyatakan juga oleh al-Zarqānī (1995) yang memetik pendapat al-Dānī yang menyatakan bahawa pada huruf-huruf al-Quran para imam Qari tidak berpandukan pada apakah suatu bacaan itu merupakan bahasa yang paling terkenal atau paling sesuai dengan kaedah bahasa, tetapi mereka berpandukan pada



apakah bacaan itu sesuai dengan riwayat sahih. Jika riwayat sahih, maka tidak ada kaedah bahasa yang dapat menolaknya, kerana qiraat adalah سنة (kebiasaan) yang ditiru dan harus diterima serta diamalkan.

Berdasarkan pandangan tersebut dapat difahami qiraat tidak semestinya harus mengikuti kehendak kaedah bahasa Arab, tetapi yang paling penting untuk diperhatikan dalam persoalan ini ialah sama ada ia bersumber daripada Rasulullah SAW secara sahih atau tidak. Disebabkan perkara itu, Sa'īd ibn Mansūr (1994) meriwayatkan dalam *Sunan*nya daripada Zayd ibn Thābit RA bahawa beliau telah berkata, “Qiraat ialah sunah yang ditiru.” Manakala al-Bayhaqī (1924) pula dalam *Sunan al-Kubrā* berkata, “Dia bermaksud bahawa pada huruf-huruf al-Quran kita harus mengikuti orang-orang sebelum kita. Tidak boleh berbeza dengan mashaf yang merupakan imam dan tidak boleh berbeza dengan qiraat-qiraat masyhur. Walaupun hal itu dibolehkan dalam bahasa ataupun selainnya yang lebih jelas.”

Mufasir amat dituntut menguasai dan memiliki kefahaman yang mendalam terhadap bahasa Arab dengan aspek-aspek bahasa yang lain kerana al-Quran sebagai objek tafsirannya diturunkan dengan menggunakan bahasa tersebut. Tuntutan itu amat mustahak disebabkan usaha mereka untuk memahami al-Quran secara utuh dan menyeluruh. Untuk menjayakannya, beberapa perkara dapat dilakukan seperti mempelajari, memahami dan menguasai kaedah tafsir. Kaedah yang telah dihasilkan dan dirumuskan oleh ulama silam dapat digunakan sebagai bahan rujukan dan seterusnya dapat dikembangkan sesuai dengan tuntutan zaman. Malah ia juga dapat berfungsi sebagai panduan metodologi agar pentafsiran yang dihasilkan bersifat ilmiah dan objektif serta dapat dipertanggungjawabkan (Usman, Abdullah & Ibrahim, 2023).

M. Quraish Shihab (1944)¹ pun amat menekankan kepentingan qiraat dalam mentafsirkan ayat al-Quran. Contoh kaedah pentafsiran yang beliau gunakan berkaitan dengan qiraat adalah *Idhā Thabat al-Qirā'ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma'nāhā*. Sehubungan dengan itu, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan menerusi kitab *Tafsir Al-Mishbāh*. Pengkaji mendapati beberapa kaedah pentafsiran berkaitan qiraat dalam kitab tafsir ini, namun begitu memadai untuk dihuraikan salah satu daripadanya sebagai pembuktian bahawa karya magnum opus ini turut menyelitikan perbincangan qiraat dalam pentafsiran.

2.0 KEPENTINGAN QIRAAT DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN

Qiraat dari sudut bahasa adalah kata jamak bagi *qirā'ah* (قراءة) yang merupakan masdar atau kata terbitan kepada kata kerja *qara'a* (قرأ) yang bermaksud telah membaca (al-Fairūzabādī, 1986). Oleh yang demikian, kata jamak *qirā'āt* (قراءات) memberi maksud bacaan-bacaan. Dari sudut istilah ilmu, Ibn al-Jazarī (t.th.) mendefinisikannya sebagai suatu ilmu yang membincangkan tentang tatacara menyebut kalimah-kalimah al-Quran dan perselisihan-perselisihan yang ada padanya dengan menyandarkannya kepada orang yang menyampaikan tatacara tersebut. Sementara al-Dimyāfī (2006) memberikan definisi qiraat sebagai satu ilmu diketahui darinya sepakatan orang (imam) yang menukilkan untuk kitab (ayat-ayat) Allah SWT serta perselisihannya pada *ḥadhf* (pembuangan atau pengurangan), *ithbāt* (pengekal), *al-tahrīk* (pemerian baris harakat), *al-taskīn* (pemberian tanda sukun), *al-faṣl* (pemisahan), *al-waṣl* (penyambungan) dan sebagainya dari sudut sebutan dan pertukaran dan lain-lain. Berdasarkan definisi tersebut dapat dimuktamadkan bahawa fokus ilmu ini adalah pada kalimah-kalimah tertentu dari sudut cara melafazkan dan sumberambilannya yang merupakan nukilan mutawatir daripada ulama qiraat yang bersambung sanandnya kepada Rasulullah SAW.

Qiraat tidak hanya tertumpu kepada perselisihan bacaan dalam ayat-ayat al-Quran, malah ilmu qiraat mempunyai kaitan dengan ilmu-ilmu lain. Ahmad Muflih et al. (2001), menyatakan ilmu qiraat ini mempunyai kaitan dengan tujuh ilmu lain, iaitu tajwid, *rasm* (tulisan atau ejaan), *dabṭ* (ilmu yang membincangkan simbol-simbol yang

¹ Untuk penulisan seterusnya, penyebutan nama M. Quraish Shihab akan diringkaskan menjadi Shihab.



diciptakan oleh ulama untuk membantu dan mengawasi bacaan dan menjaga ketulenan kalimah-kalimah al-Quran), *tahrīrāt* (satu proses untuk menapis setiap wajah bacaan yang wujud pada ṭuruq qiraat supaya tidak bercampur), *waqf wa al-ibtidā'* (pemberhentian dan permulaan bacaan), *tawjīh wa al-ihtijāj* (ilmu yang membicarakan dalil bagi setiap bacaan dari pelbagai sudut ilmu terutama ilmu nahu, sarf dan bahasa), *ṭabaqāt al-qurrā'* (peringkat qari) dan *al-fawāṣil* (ilmu yang membincangkan mengenai penentuan bilangan ayat pada akhir kalimah yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan tawqif daripada syarak).

Dari sudut hubungan qiraat dengan tafsir al-Quran, Maḥmūd dan Sha'bān (t.th) dalam karyanya *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyāh wa Āthāruhā fi al-Tafsīr*, membahagikan qiraat kepada dua bahagian. Pertama, qiraat yang merujuk kepada perbezaan lajha atau dialek dalam kalangan bangsa Arab seperti sebutan *imālah*, *taqlīl*, *izhār*, *idghām* dan sebagainya. Kedua, qiraat yang merujuk kepada ciri khusus al-Quran itu sendiri, iaitu *al-I'jāz* seperti pertukaran dari *damīr ghā'ibah* kepada *khiṭāb* atau kepada *damīr mutakallim*. Bahagian yang kedua ini mengandungi ciri-ciri qiraat yang membawa kepada perbezaan makna sepertimana yang disebut oleh al-Dānī (2007) sebagai *ikhṭilāf al-ma'ānī taba'ān li ikhṭilāf al-alfāz fi aḥruf al-sab'ah* yang bermaksud perbezaan makna-makna adalah berikutan perbezaan lafaz-lafaz pada *aḥruf al-sab'ah* (qiraat tujuh).

Selanjut al-Dānī (2007) menjelaskan hubungan qiraat dengan makna terbahagi kepada tiga iaitu:

i- Perbezaan lafaz yang membawa satu makna

Contohnya qiraat yang terdapat pada kalimah الصراط (al-Fāṭiḥah [1]: 6) yang dibaca dengan tiga qiraat, iaitu dengan huruf *ṣād* (*ṣīrāt*), huruf *ṣīn* (*sīrāt*) dan *ishmām* (*zīrāt*) (Ibn al-Jazarī, t.th.). Ketiga-tiga qiraat ini walaupun berbeza pada lafaz, ia hanya membawa satu makna sahaja iaitu “jalan” (al-Naḥḥās, 2005). Perbezaan qiraat ini merupakan dalam ruang lingkup perbezaan *lahjat* atau dialek dalam kalangan bangsa Arab (al-Azharī, 1991).

ii. Perbezaan lafaz serta makna tetapi boleh dihipunkan dan dimurnikan maknanya

Contohnya qiraat ملك (al-Fāṭiḥah [1]: 4) yang dibaca dengan huruf alif selepas huruf mim (*mālik*) atau tanpa huruf alif (*malik*) (Ibn al-Jazarī, t.th.). Qiraat dengan huruf alif bermaksud “yang memiliki,” sementara qiraat tanpa huruf alif membawa maksud “raja” (al-Azharī, 1991). Kedua-dua qiraat ini merupakan sifat Allah SWT pada hari kiamat kerana Dia yang memiliki hari kiamat dan Dialah raja pada hari tersebut (al-Dānī, 2007). Maka kedua-dua makna daripada qiraat yang berbeza ini boleh dihipunkan kerana kedua-duanya merujuk kepada Allah SWT.

iii. Perbezaan lafaz dan makna yang tidak boleh dihipunkan

Misalnya qiraat yang melibatkan perubahan *damīr* pada kalimah علمت (al-Isrā' [17]: 120). Kalimah ini terdapat dua qiraat. Pertama, dengan dammah huruf *tā'* yang menunjukkan *damīr mutakallim* ('alimtu) dan yang kedua, fathah huruf *tā'* yang menunjukkan *damīr khiṭāb* ('alimta) (Ibn al-Jazarī, t.th.). Menurut al-Naḥḥās (2005), *damīr mutakallim* dalam ayat 120 surah al-Isrā' ini kembali kepada nabi Musa AS, sementara *damīr khiṭāb* pula merujuk kepada Firaun. Oleh kerana pelaku kepada kata kerja علم merupakan dua individu yang berbeza, maka qiraat ini tidak boleh dihipunkan maknanya.

Adapun kepentingan qiraat dalam pentafsiran al-Quran dapat dinilai berdasarkan klasifikasi qiraat yang terbahagi kepada dua bahagian sama ada dari sudut *qabūl* (terima) mahupun *radd* (tolak). Qiraat *mutawātirah* adalah qiraat yang diterima sedangkan qiraat yang ditolak bacaannya ialah qiraat *shādhah*. Namun begitu, kedua-dua kategori ini diterima pakai dalam pentafsiran al-Quran. Sebahagian sarjana Islam seperti al-Dhahabī telah menetapkan ilmu Qiraat sebagai salah satu ilmu yang mesti dikuasai oleh seseorang pentafsir. Melalui ilmu Qiraat pentafsir dapat menjelaskan



makna sebahagian bacaan dan mengeluarkan pelbagai hukum, walaupun sebahagian Qiraat tersebut *mutawātirah* dan sebahagiannya *shādhah* (Zulkifli & Bahori, 2016). Terdapat empat kepentingan qiraat dalam pentafsiran seperti berikut:

i. Kepentingan dalam hukum Fekah

Misalnya pada hukum *kafarah al-yamīn* pada firman Allah SWT dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرْتُمْ بِهِ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفْرُهُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٨٩

Maksudnya: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah SWT tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah-peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah SWT menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (hukum-hukum agama-Nya) supaya kamu bersyukur.”

Ayat di atas menerangkan bahawa orang yang melanggar sumpah memilih untuk berpuasa tiga hari jika tidak mampu melaksanakan salah satu daripada tiga denda yang dikenakan kepada mereka (al-Zuhaylī, 2002). Menjadi persoalan dalam kalangan ulama mengenai pelaksanaan puasa, perlukah dilakukan tiga hari secara berturut atau tidak. Hasilnya, mazhab Abū Ḥanīfah Rahimahullah mensyaratkan *al-tatābu'* iaitu berturutan dalam menyempurnakan puasa berdasarkan qiraat Ibn Mas'ūd *ثلاثة أيام متتابعات*. Sementara pendapat dalam mazhab Syafii dan imam Mālik Rahmahullah tidak mensyaratkan *al-tatābu'* (al-Ṣābūnī, 1980).

ii. Memberi makna tambahan kepada ayat

Contohnya pada mentafsirkan kalimah *ملكين* pada Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf [7] ayat 20:

فَوَسَّوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْءَاتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَينِ أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: “Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepada mereka berdua supaya (dapatlah) ia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup dari (pandangan) mereka, sambil ia berkata: “Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini, melainkan (kerana Ia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi dari orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam Syurga)”.

Kalimah *ملكين* dalam ayat di atas memberi maksud malaikat. Terdapat juga qiraat yang disandarkan kepada Ibn 'Abbās, al-Zuhrī, al-Ḍaḥḥāk dan Yaḥyā ibn Kathīr membaca dengan *malikayni* yang memberi makna *mālik* iaitu raja ('Abd-Karīm, t.th.; al-Samīn al-Ḥalabī, t.th.).



iii. Menjelaskan makna dan maksud yang *mubham* atau samar

Misalnya kesamaran yang terdapat pada kalimah *العهن* pada firman Allah SWT dalam surah al-Qāri‘ah [101] ayat 5):

وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ ۝

Maksudnya: “Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.”

Kalimah *العهن* dalam ayat di atas menjadi kesamaran di sisi ahli tafsir tentang maknanya (al-Zarqānī, 1995). Kesamaran makna pada kalimat tersebut dijelaskan dalam qiraat yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās RA iaitu *كالصوف* yang memberi maksud “bulu yang berterbangan” (al-Zamakhsharī, 1987).

iv. Penjelasan kepada sejarah kaum terdahulu

Misalnya, qiraat yang terdapat pada kalimah *فكهي* dalam firman Allah SWT dalam surah al-Dukhān [44] ayat 27):

وَنَعَمَةٍ كَانُوا فِيهَا فَلَکِهينَ ۝

Maksudnya: “Dan juga kemewahan hidup, yang mereka sekian lama menikmatinya.”

Pentafsiran kalimah *فكهي* jika hanya melihat pada satu qiraat sahaja iaitu qiraat dengan huruf alif *fākihīn* yang memberi maksud orang yang memiliki banyak buah-buahan (Maḥmūd & Sha‘bān, t.th). Jika digabungkan dengan qiraat kedua *fakihīn* tanpa huruf alif, pentafsiran qiraat kedua ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kaum Firaun di mana qiraat *fakihīn* memberi maksud orang yang bersikap sombong, suka mempersenda, hidup dalam keadaan lalai (Ibn ‘Aṭīyyah, 2001; al-Samīn Ḥalabī, t.th.). Oleh yang demikian, penggabungan makna kedua-dua qiraat memberi penjelasan mengenai sikap kaum Firaun yang dilimpahi dengan nikmat, dalam masa yang sama mereka hidup dalam kesombongan dan kelalaian untuk taat kepada Allah SWT.

3.0 M. QURAIISH SHIHAB DAN TAFSIR AL-MISHBĀH

Nama beliau ialah Muhammad Quraish Shihab dilahirkan pada 16 Februari 1944 di Rappang, Sulawesi Selatan, Indonesia (Shihab, 1986). Latar belakang keluarga dan pendidikan merupakan faktor kehebatan beliau dalam bidang tafsir al-Quran dan ‘ulūm al-Qur’ān. Pendidikan awal bermula daripada ayahnya sendiri iaitu Abdurrahman Shihab merupakan seorang tokoh ulama dalam bidang tafsir al-Quran. Dalam dunia pendidikan, ayah beliau merupakan salah seorang pengasas Universiti Muslimin Indonesia (UMI) di Makassar. Beliau dilantik sebagai pengetua UMI pada tahun 1959 sehingga 1965. Setelah itu, ayah beliau dilantik sebagai rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Alauddin Ujung Pandang Sulawesi Selatan pada tahun 1972-1977 (Iqbal, 2010).

Latar belakang pendidikan pula, Shihab belajar peringkat sekolah rendah di Ujung Pandang (sekarang Makassar), Indonesia. Setelah itu, melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Malang, Jawa Timur serta di Pondok Pesantren Darul Hadith al-Faqihyyah. Di Pondok tersebut, beliau dididik oleh Habib Abd al-Qadir bin Ahmad bin



Faqih. Ketika umur 14 tahun, beliau bersama adiknya Alwi Abdurrahman Shihab mendapat peluang menyambung pengajian di Maahad al-Azhar, bermula tingkatan dua Thanawiyah pada tahun 1958. Setelah itu, beliau menyambung pengajian peringkat sarjana muda di Fakulti Usuluddin Jabatan Tafsir dan Hadis, Universiti al-Azhar dan berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1967. Kemudian, beliau meneruskan pengajian peringkat sarjana dalam bidang Tafsir al-Quran pada tahun 1969. Tesis beliau bertajuk *al-'Ijāz al-Tashrī' li al-Qur'ān al-Karīm* (Ibrahim, Dakir & Abdul Kadir, 2018). Setelah mengajar dan berbakti selama 13 tahun di Indonesia, beliau menyambung pengajian peringkat PhD dalam bidang 'Ulūm al-Quran pada tahun 1982 di Universiti al-Azhar. Tajuk tesis PhD beliau ialah *Nazm al-Durar li al-Biqā'ī: Taḥqīq wa Dirāsah*. Kajian tesis PhD ini telah dianugerahkan dengan pangkat cemerlang tingkat pertama serta dinobatkan sebagai pelajar Asia Tenggara pertama memperolehi gelaran PhD dalam bidang pengkhususan ilmu tafsir al-Quran (Shihab, 2011).

Berdasarkan kembara ilmu yang dilalui oleh Shihab telah membentuk pemikiran dan keperibadian beliau sama ada dari ulama di Indonesia atau Mesir. Di antara ulama yang memberi kesan kepada beliau ialah Habib Abd al-Qadir bin Ahmad bin Faqih, syeikh 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan syeikh Aḥmad al-Kawmī yang digelar sebagai Ustādh al-Jīl. Habib Abd al-Qadir bin Ahmad bin Faqih dianggap sebagai guru spiritual beliau. Keperibadian Syeikh 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd juga telah membentuk keperibadian Shihab seperti sifat ikhlas, tawaduk dan akhlak mulia yang lain (Ibrahim et al., 2018). Shihab juga aktif menulis dan berkongsi idea di surat khabar seperti surat khabar Pelita pada setiap hari Rabu dan akhbar Republika. Selain itu, beliau juga aktif berceramah di masjid, universiti serta pelbagai stesen televisyen Indonesia seperti Metro TV, Indosiar, RCTI dan sebagainya (Ibrahim et al., 2018). Keilmuan yang dimiliki oleh Shihab telah menghasilkan pelbagai penulisan antaranya Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat, Mukjizat al-Quran, Studi Kritis Tafsir al-Manar, Membumikan al-Quran, Tafsir al-Quran al-Karim: Tafsir Atas Surat-Surat Pendek Berdasarkan Urutan Wahyu, Tafsir al-Mishbah, dan sebagainya.

Tafsir al-Mishbāh merupakan sebuah kitab tafsir Melayu dari kalangan Ulama Nusantara yang lengkap ditulis bermula dari surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Nās (Ibrahim et al., 2018). Shihab mula menulis kitab ini pada tahun 1999 ketika bertugas sebagai Duta Besar Republik Indonesia di Mesir. Bermula pada malam Jumaat, 18 Jun 1999 bersamaan 4 Rabiulawal 1420 H. (Shihab, 2005). Beliau menamakan tafsir ini dengan nama al-Mishbāh kerana bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nūr [24] ayat 35:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: "Allah SWT yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah SWT (Kitab suci al-Quran) adalah sebagai sebuah "mishkāt" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah SWT memimpin sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang dan peraturan-Nya) kepada nur hidayah-Nya itu; dan Allah SWT mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah SWT Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

Perkataan *al-Miṣbāh* pada ayat ini ialah pelita yang berada di dalam kaca seumpama hidayah Allah SWT kepada hamba-Nya yang dapat menerangi hati para hamba yang beriman kepada-Nya. Nama kitab tafsir ini bukan sekadar *al-Miṣbāh* sahaja, ia disusuli dengan pesan, kesan dan keserasian al-Quran. Maka, nama penuh bagi kitab tafsir ini ialah Tafsir al-Miṣbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran. Kalimah ‘pesan’ memberi erti bahawa al-Quran adalah pesan (wahyu) daripada Allah SWT. Kalimah ‘kesan’ membawa erti bahawa isi tafsir ini adalah nukilan daripada pandangan para ulama tafsir sama ada mutaqqaddimīn atau muta’akhhirīn. Kalimah ‘keserasian’ pula membawa erti bahawa isi kandungan al-Quran ini mengandungi munasabah yang jelas antara ayat dan ayat serta surah dan surah (Ibrahim et al., 2018). Tafsir ini selesai ditulis pada 5 September 2003 bersamaan 8 Rejab 1423 H. (Shihab, 2005).

Secara umum, metode pentafsiran Tafsir al-Miṣbāh dikategorikan sebagai gabungan antara tafsir mawḍū’ī dan taḥlīlī. Hasil pemerhatian dan kajian yang dibuat terhadap kaedah pentafsiran yang diterapkan oleh Shihab didapati metodologi pentafsiran yang digunakan oleh beliau antara lain tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan al-Sunnah, tafsir al-Quran dengan akal, penjelasan mufradāt (kosa kata) ayat al-Quran, analisis isu fekah semasa serta penjelasan munasabah antara ayat dengan ayat serta surah dengan surah (Usman, 2014). Selain itu, gabungan di antara kaedah tafsir *bi al-ma’thūr*, tafsir *bi al-ra’yi* al-maḥmūd, tafsir *bi al-lughah* serta munasabah ayat dan surah telah menjadikan kitab tafsir ini sebuah kitab tafsir kontemporari yang muktabar di sisi para ulama mufasir (Ibrahim et al., 2018).

Seterusnya, aliran ideologi pentafsiran Tafsir al-Miṣbāh dikategorikan sebagai tafsir *al-Ijtimā’ī al-Islāhī* iaitu penulis tafsir ini berusaha menghubungkan cahaya petunjuk tafsiran ayat al-Quran dengan realiti kehidupan masyarakat sama ada peringkat tempatan di Indonesia khususnya serta masyarakat Melayu amnya (Shihab, 2011). Keistimewaan Tafsir al-Miṣbāh ini ditulis dengan bahasa yang jelas dan mudah difahami oleh pelbagai latar belakang sama ada orang awam sehingga orang terpelajar. Ia juga menjadi rujukan utama dalam pengajian tafsir al-Quran di semua universiti Islam di Indonesia. Begitu juga, para pelajar dan pengkaji al-Quran di Malaysia turut merujuk kitab Tafsir al-Miṣbāh ini sebagai panduan solusi terhadap isu kemasyarakatan pelbagai kaum yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di Nusantara (Ibrahim et al., 2018).

4.0 SELAYANG PANDANG TENTANG KAEDAH PENTAFSIRAN AL-QURAN

Kaedah / قاعدة dari sudut bahasa ditakrifkan sebagai asas, seperti yang dimaksudkan dalam surah al-Baqarah [2] ayat 127 (al-Azharī, 1864; Ibn Manẓūr, t.th):

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika nabi Ibrahim AS meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama nabi Ismail AS (seraya berdoa): “Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”

Al-Kafawī (1998) mentakrifkannya sebagai tunjang untuk yang di atasnya. Mustafā et al., (t.th) pula mentakrifkannya dengan من البناء أساسه والضابط أو الأمر الكلي ينطبق على جزئيات (asas ataupun tunjang jika ia dihubungkan dengan bangunan, ataupun bermaksud perkara yang bersifat menyeluruh yang merangkumi setiap bahagiannya).



Kaedah dari sudut istilah pula, menurut Muḥammad al-Fayūmī (1990) ditakrifkan sebagai قضية كلية منطبقة على جميع جزئيتها (rumusan yang bersifat umum yang mencakupi seluruh bahagiannya). Al-Sabt (2001) pula mentakrifkannya dengan حكم كلي يتعرف بما على احكام جزئية (ketentuan umum yang dengannya diketahui ketentuan yang berkaitan dengan perincian).

Adapun takrifan tafsir dari sudut bahasa menurut al-Jurjānī (1985) dan al-Fairūzabādī (1986) adalah menjelaskan sesuatu dan menjadikan terang-benderang, ataupun merungkai yang terselubung. Jika menurut istilah ia bermaksud ilmu yang digunakan untuk mengetahui pemahaman al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW, menjelaskan makna-maknanya, mengeluarkan hukum-hakam dan hikmah-hikmah yang terkandung di dalamnya dengan bantuan ilmu linguistik, *Naḥwu*, *Ṣarf*, *ilmu al-Bayān*, *Usul Feqah*, *Qirā'ah*, *asbāb al-nuzūl* dan *nāsikh mansūkh* (al-Zarkashī, 1988). Hal ini juga ditakrifkan dengan ilmu yang membahaskan al-Quran dari segi petunjuknya (*dilālah*) terhadap maksud dan kehendak Allah SWT sesuai dengan kemampuan manusia (al-Zarqānī, 1995). Ia merangkumi segala sesuatu yang dapat digunakan untuk memahami makna dan menjelaskan maksud yang kehendaki oleh Allah SWT (al-Ḍhahabī, 2000).

Jika digabungkan kedua-dua istilah ini, maka kaedah pentafsiran memberi maksud ketetapan yang bersifat kullī (sebahagian besar sahaja dan bukannya keseluruhan bahagian) yang membantu mufasir untuk memahami makna atau isi kandungan al-Quran (Shihab, 2011). Dengan demikian, kaedah pentafsiran merupakan asas utama yang diperlukan oleh mufasir untuk memahami al-Quran.

Berdasarkan takrifan di atas, pengkaji menyimpulkan makna kaedah pentafsiran sebagai hukum-hakam yang bersifat universal yang digunakan untuk sampai kepada pengkajian makna-makna al-Quran dan mengetahui tatacara mendapatkan faedah-faedahnya.

5.0 KAEDAH PENTAFSIRAN “*IDHĀ THABATAT AL-QIRĀ’AH FA LĀ YAJŪZ RADDUHĀ AW RAD MA’NĀHĀ*” DALAM TAFSIR *AL-MISHBĀH*

Kaedah ini dinyatakan oleh al-Ḥarabī (1996) dengan إذا ثبتت القراءة فلا يجوز ردها أو رد معناها. Oleh itu, setiap makna yang terhasil daripada perbezaan qiraat itu hendaknya diterima dan mengikuti segala yang dikandunginya sama ada dari sudut pengetahuan atau pengamalan, serta tidak boleh menolak salah satu maknanya dengan sebab apa pun (Ibn Taimiyyah, 2005; al-Zarkashī, 1988).

Kaedah tersebut digunakan oleh Shihab ketika mentafsir surah al-Fātiḥah [1] ayat 4 berikut:

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤

Maksudnya: “Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat).”

Shihab (2010) menyatakan dua bentuk qiraat popular bagi ayat tersebut, iaitu ملك yang bermaksud raja dan مالك yang bermaksud pemilik. Ayat tersebut menurut beliau boleh dibaca dengan kedua-dua qiraat tersebut, kerana ia



adalah bacaan Nabi SAW yang berdasarkan riwayat-riwayat yang dapat dipertanggungjawabkan kesahihannya (mutawātir).²

Berdasarkan pentafsiran tersebut, Shihab menerima kepelbagaian qiraat sahih dalam mentafsirkan ayat di atas. Metode ini amat baik kerana disokong oleh mufasir muktabar lain, seperti Ibn Kathīr (2000) yang menyatakan bahawa sama ada dibaca dengan *malik* atau *mālik*, kedua-duanya termasuk qiraat tujuh yang sahih dan diriwayatkan secara mutawatir. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati pentafsiran Shihab yang tidak konsisten, khususnya berkaitan dengan kaedah di atas, sepertimana pentafsiran beliau dalam surah al-Nisā' [4] ayat 1 berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ
الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ۝١

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah SWT yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah SWT sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

Shihab (2010) menyatakan bahawa bacaan popular daripada lafaz al-arḥām ialah fathah (al-arḥama), sehingga ia difahami sebagai bahagian yang mengikuti (*ma‘tūf*) daripada objek takwa, iaitu bertakwalah kepada Allah SWT dan al-arḥām. Sebagaimana diketahui, lafaz takwa dari sudut bahasa bermaksud memelihara. Bertakwa kepada Allah SWT bererti memelihara diri daripada seksa-Nya akibat pelanggaran perintah-Nya. Bertakwa dalam kaitannya dengan al-arḥām pula adalah memeliharanya agar tidak putus akibat perlakuan yang tidak wajar.

Shihab (2010) menambahkan bahawa sekiranya mengikuti imam yang membaca lafaz al-arḥām dengan kasrah (al-arḥāmi), lafaz itu ma‘tūf dengan kata ganti nama Allah SWT pada lafaz bihi, iaitu Dia Allah SWT yang disebutkan nama-Nya itu. Sehingga potongan ayat ini berpesan agar bertakwa kepada Allah SWT atas nama-Nya. Terdapat manusia memohon sesuatu atas nama keluarga mereka. Biasanya permohonan dikemukakan dengan berkata, “Demi Allah dan demi hubungan kekeluargaan kita.” Pendapat kedua ini menurut Shihab (2010), selain bukan pandangan majoriti dan ada kelemahannya dari sudut kaedah bahasa, malahan (lebih penting lagi) kerana maknanya tidak menekankan perlunya pemeliharaan silaturahmi. Ia hanya memaklumkan bahawa dengan menyebut nama Allah SWT dan kerana adanya hubungan kekeluargaan, kamu saling mencintai. Bagi pendapat pertama, seperti dibaca di atas, ia secara langsung dan tegas memerintahkan untuk memelihara hubungan silaturahim yang berkaitan langsung dengan perintah bertakwa kepada Allah SWT. Makna ini selari dengan tujuan surah, sebagaimana telah dikemukakan sebelum ini.

Berdasarkan pentafsiran tersebut dapat difahami bahawa lafaz الأرحام pada surah al-Nisā' [4] ayat 1 di atas mempunyai dua bentuk qiraat. Qiraat pertama adalah paling popular yang membaca al-arḥām dengan fathah, sehingga dibaca الأرحام. Qiraat ini menunjukkan ia sebagai bahagian yang mengikuti (معطوف) daripada objek takwa. Bagi qiraat kedua (qiraat minoriti Qari) adalah membacanya dengan kasrah, sehingga dibaca الأرحام. Qiraat ini menunjukkan ia ma‘tūf dengan kata ganti nama Allah SWT pada lafaz به. Disebabkan hal itu, Shihab telah mentarjīh kedua-dua

² Lihat juga pentafsiran Quraish menggunakan kaedah qiraat dalam *Tafsir al-Mishbāh* pada surah Ṭaha [20]: 63 dan *al-Zukhrūf* [43]:57.



qiraat tersebut dengan memilih pendapat pertama. Bagi pendapat kedua pula, selain bukan pandangan majoriti Qari, ia juga menyalahi kaedah tatabahasa Arab.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati beberapa perkara yang perlu dimurnikan dalam pentafsiran Shihab tersebut, antaranya ialah:

i. Shihab memetik dua perbezaan qiraat sahaja, sedangkan dalam kitab-kitab tafsir disebutkan tiga jenis qiraat. Qiraat ketiga yang tidak dinyatakannya ialah lafaz الأرحام dibaca dengan *marfū'* (harakat dammah). Antara mufasir yang menyebutkan qiraat ini ialah al-Zamakhsharī (1998) dan al-Qurtubī (1964).

ii. Tarjih yang dilakukan oleh Shihab menunjukkan secara jelas cenderung kepada pendapat pertama. Pengkaji mendapati tarjih ini tidak kena pada tempatnya, disebabkan kedua-dua bentuk qiraat yang dinyatakan adalah sabit daripada Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, ramai mufasir yang tidak mentarjih perbezaan qiraat tersebut. Sehubungan dengan tarjih yang dibuat oleh Shihab sebelum ini, didapati beliau telah berbeza pandangan dengan mufasir muktabar lain, seperti Ibn Kathīr, Abū al-Sa'ūd dan al-Qurtubī.

Ibn Kathīr (2000) ketika mentafsirkan lafaz al-arhām telah menyatakan perbezaan pendapat berkaitan qiraat tersebut, tetapi tidak mentarjihnya. Mufasir Abū al-Sa'ūd (1994) pun tidak mentarjihnya. Namun demikian, terdapat juga mufasir yang mentarjihnya seperti al-Ṭabarī (2001) yang menyatakan bahawa pentafsiran ini yang dipegang oleh orang-orang yang membaca firman Allah SWT tersebut (lafaz الأرحام) dengan naṣab (harakat fathah). Maknanya ialah takutlah kalian kepada Allah SWT yang dengan menggunakan nama-Nya kalian saling meminta dan takutlah kalian untuk memutuskan hubungan silaturahmi. Hal itu disebabkan lafaz al-arhāma dirangkaikan (عطف) kepada nama Allah SWT yang dari sudut i'rābnya (perubahan baris) semestinya berbaris naṣab. Oleh itu, qiraat yang diizinkan untuk digunakan oleh seorang Qari ialah yang berbaris naṣab. Kami telah menjelaskan hal ini bahawa orang-orang Arab tidak pernah merangkaikan kata benda yang zahir kepada lafaz kinayah yang berkedudukan majrūr (harakat kasrah), melainkan dalam keadaan darurat syair.

Berdasarkan tarjih tersebut, al-Ṭabarī cenderung kepada qiraat naṣab. Beliau menolak qiraat majrūr kerana lafaz tersebut tidak fasih menurut orang Arab, kecuali dalam keadaan darurat, seperti pada teks syair. Hal itu disebabkan adanya kesukaran dalam syair, sedangkan dalam pengucapan biasa tidak ada sebab bagi yang mengharuskan pengujar atau penutur untuk memilih ucapan yang buruk dan tidak disukai dari sisi i'rābnya.

Berdasarkan perbezaan pendapat mufasirin di atas, pengkaji mendapati seelok-eloknya untuk menerima kedua-dua qiraat tersebut. Hal ini dikukuhkan oleh kaedah *tarjih* yang dikemukakan oleh al-Ḥarabī sebelum ini. Justeru itu, al-Shanqīṭī (1995, 1: 330) memperingatkan bahawa perbezaan qiraat sah pada satu-satu lafaz menunjukkan qiraat-qiraat tersebut mengandungi hukum yang berlainan. Sehubungan dengan itu juga, al-Qurtubī (1964, 5: 2-6) memilih untuk berdiam diri dalam perbezaan qiraat tersebut dan menilai qiraat الأرحام dengan harakat kasrah adalah sah berdasarkan hujah daripada syair, meskipun ia diakui sebagai suatu kejanggalan dari sudut i'rāb, tetapi disebabkan keadaan darurat maka ia dibolehkan. Selain itu, beliau turut memetik pandangan al-Qushayrī yang menyatakan bahawa ulama memilih untuk menerima kepelbagaian qiraat yang sabit secara terus daripada Rasulullah SAW.

6.0 KESIMPULAN

M. Quraish Shihab salah seorang mufasir Nusantara kenamaan yang banyak menekankan perlunya memahami al-Quran secara kontekstual, pemahaman bahasa yang kuat dan berpegang teguh pada kaedah-kaedah pentafsiran yang telah disusun oleh ulama. Salah satu daripada kaedah pentafsiran berkaitan ilmu qiraat dalam Tafsir Al-Mishbāh



adalah *Idhā Thabat al-Qirā'ah Fa Lā Yajūz Radduhā Aw Rad Ma'nāhā*. Penguasaan kaedah ini amat membantu dalam menghasilkan pentafsiran al-Quran yang jitu.

Berdasarkan analisis secara kritis pentafsiran beliau berdasarkan kaedah qiraat dapat disimpulkan bahawa Shihab menerima kepelbagaian qiraat sahih dalam mentafsirkan ayat. Pada pandangan beliau setiap qiraat yang sabit daripada Rasulullah SAW secara sahih dan disampaikan secara terus oleh imam qari, maka qiraat tersebut boleh diterima. Namun begitu, hujah dan nukilan beliau pada kepelbagaian qiraat tidak secara holistik, sehingga perlu dilakukan penambahbaikan. Malah, tarjih yang dilakukan oleh Shihab ketika mentafsirkan surah al-Nisā' [4] ayat 1 membuktikan bahawa beliau tidak konsisten dalam menggunakan kaedah qiraat.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karīm, I. S. (t.th.). *Murshid al-'Izzah fī Bayān Mawqif al-'Ulamā' min al-Qirā'āt al-Shādhah*. Tanta: Markāz Ibdā'.
- Abū al-Sa'ūd, M. M. (1994). *Irshād al-'aql al-salīm ilā mazāyā al-kitāb al-karīm*. Jil. 1. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Aḥmad Muflīḥ, M., Shukrī, A. K. & Maṣṣūr, M. K. (2001). *Muqaddimah fī 'Ilm al-Qirā'āt*. 'Ammān: Dār 'Ammār.
- al-Azharī, M. A. M. (1864). *Tahzīb al-lughah*. Jil. 1. t.tp.: Dār al-Qaumiyyah al-'Arabiyyah.
- al-Azharī, M. A. (1991). *Ma'ānī al-Qirā'āt*. Mekah: Markaz al-Buḥūth fī Kulliyah al-Adab, Jāmi'ah Mālik al-Su'ūd.
- al-Bayhaqī, A. B. A. (1924). *al-Sunan al-Kubrā*. Jil. 2. India: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Nizāmiyyah al-Kā'inah.
- al-Dānī, A. A. U. (2007). *Jāmi' al-Bayān fī al-Qirā'āt al-Sab'*. UAE: Jāmi'ah al-Shāriqah.
- al-Dhababī, M. H. (2000). *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Jil. 1. Beirut: Maktabah Wahbah.
- al-Dimiyāṭī, A. M. (2006). *Ithāf Fuḍalā' al-Bashar fī al-Qirā'āt al-'Ashar*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Fairūzabādī, M. Y. (1986). *al-Qāmūs al-muḥīṭ*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Ḥarabī, Ḥ. 'A. Ḥ. (1996). *Qawā'id al-tarjih 'inda al-mufasssīrīn*. Riyadh: Maktabah al-Qāsim.
- al-Jurjānī, 'A. M. (1985). *al-Ta'rifāt*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Mu'āshir.
- al-Kafawī, A. B. A. (1998). *al-Kulliyāt mu'jam fī al-mustalahāt wa al-furūq al-lughawiyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Nahḥās, A. J. A. (2005). *I'rāb al-Qur'ān*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Qurṭūbī, A. 'A. M. (1964). *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 5. Kaherah, Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- al-Sabt, K. U. (2001). *Qawā'id al-tafsīr: Jam'an wa dirāsatan*. Jil. 1. t.tp.: Dār ibn 'Affān.
- al-Ṣabūnī, M. 'A. (1970). *al-Ṭibyān fī 'ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Irshād.
- al-Ṣabūnī, M. A. (1980). *Rawā'ī' al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*. Damsyik: Maktabah al-Ghazālī.
- al-Samīn al-Ḥalabī, A. Y. (t.th.). *al-Durr al-Māṣūn fī 'Ulūm al-Kitāb al-Maknūn*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Shanqīṭī, M. A. (1995). *Aḍwā' al-bayan fī idāh al-Qur'ān bi al-Qur'ān*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Ṭabarī, A. J. M. J. (2001). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jil. 7. Kaherah: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsah al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah.
- al-Zamakhsharī, A. Q. M. (1998). *al-Kashshāf*. Jil. 2. Kaherah, Mesir: Maktabah 'Abīkān.
- al-Zamakhsharī, M. U. A. (1987). *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zarkashī, B. M. (1988). *al-Burhān fī 'ulūm al-Qur'ān*. Jil. 1. Kaherah, Mesir: Dār al-Turāth.
- al-Zarqānī, A. 'A. (1995). *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Jil. 1 & 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Zuhaylī, W. (2002). *al-Tafsīr al-Wāsiṭ*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn 'Aṭīyyah, A. M. A. (2001). *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazarī, A. K. M. (t.th.). *al-Nashr fī al-qirā'ah al-'ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Kathīr, A. F. I. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 1 & 2. Ghizā: Mu'assasah Qurṭūbah.
- Ibn Manzūr, M. (t.th.). *Lisān al-'Arab*. Jil. 3. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Taimiyyah, T. (2005). *Majmū' al-fatāwā*. Jil. 13. Beirut: Dār al-Wafā'.
- Ibrahim, M., Dakir, J. & Abdul Kadir, M. N. (2018). *Pengenalan Tokoh-Tokoh Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Iqbal, M. (2010). *Etika Politik Qur'ani: Penafsiran M. Quraish Shihab Terhadap Ayat-Ayat Kekuasaan*. Medan, Indonesia: IAIN Press.
- Maḥmūd, R. & Sha'bān, I. (t.th.). *al-Qirā'āt wa Atharūha fī al-Tafsīr*. Gazza: Jā'miah Islāmiyyah
- Muḥammad al-Fayūmī, A. (1990). *al-Miṣbāḥ al-munīr fī gharīb al-sharḥ al-kabīr*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- Mustafā, I. et al. (t.th.). *al-Mu'jam al-wasīf*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Da'wah.
- Sa'īd ibn Maṣṣūr, A. 'U. (1994). *Sunan Sa'īd ibn Maṣṣūr*. Jil. 2. al-Riyadh: Dār al-'Uṣaymī.
- Shihab, M. Q. (1986). *Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan.
- Shihab, M. Q. (2005). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati.
- Shihab, M. Q. (2011). *Membumikan Al-Qur'an jilid 2: Memfungsikan wahyu dalam kehidupan*. Jakarta: Lentera Hati.
- Shihab, M. Q. (2011). *Membumikan al-Quran Jilid 2: Memfungsikan Wahyu Dalam Kehidupan*. Jakarta: Lentera Hati.
- Shihab, M. Q. (2010). *Tafsir Al-Mishbāḥ: Pesan, kesan dan keserasian Al-Qur'an*. Vol. 1 & 2. Jakarta: Lentera Hati.
- Usman, A. H. (2014). *Kaedah Tafsir dalam Tafsir Al-Misbah Karya M. Qurais Shihab*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., & Ibrahim, M. (2023). *Kaedah Pentafsiran M. Quraish Shihab dalam Tafsir al-Mishbah*. Selangor: Penerbit UPM.
- Zulkifli, I. & Bahori, A. (2016). Peranan qira'at dalam pentafsiran al-Quran.